

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD
AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana amalan tata kelola korporat (*corporate governance*) diterapkan dalam pengurusan institusi zakat dan apakah Kerajaan bersedia untuk memperkenalkan undang-undang khusus yang menguatkuasakan peraturan dan amalan tata kelola yang baik di dalam pengurusan zakat.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, telah menetapkan hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Secara amnya, konsep '*corporate governance*' telah dipraktikkan oleh institusi zakat negeri-negeri di Malaysia terutamanya bagi institusi yang telah diperbadankan sebagai satu entiti korporat dalam **urusan kutipan** (seperti Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP)) atau **urusan kedua-dua kutipan dan agihan** (seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS)).

Tata kelola *corporate governance* ini meliputi prinsip-prinsip pengurusan utama termasuk struktur pentadbiran zakat, kepimpinan dalam pengurusan zakat, ketelusan, akauntabiliti dalam pengurusan kewangan zakat dan keterlibatan pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) termasuk Bahagian /Unit Audit Dalam, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Audit Negara dan lain-lain.

Misalnya bagi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), ia sentiasa dipantau sama ada di peringkat audit dalaman melalui Unit Audit Dalam dan juga di peringkat negara melalui Jabatan Audit Negara. Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan MAIWP perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara pada April setiap tahun untuk disemak dan diaudit sebelum di bentangkan di mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya di Parlimen Malaysia. Sehingga kini, Penyata Kewangan MAIWP telah mendapat Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran sembilan (9) Tahun Berturut-turut daripada Jabatan Audit Negara sejak tahun 2006. MAIWP juga telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) bagi kategori Badan-Badan Berkanun Persekutuan bertaraf 4 bintang daripada Jabatan Audit Negara selama 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2011 hingga 2013.

Bagi memenuhi konsep tadbir urus korporat yang berteraskan kepercayaan dan kebertanggungjawaban, semua institusi pengurusan zakat di Malaysia dengan telus melaporkan maklumat setiap aktiviti yang dijalankan kepada Pengerusi/Setiausaha MAIN negeri masing-masing. Prinsip kawalan dalaman amat diberikan keutamaan untuk memastikan setiap kutipan dan agihan wang zakat diurus dengan terkawal dan dilaporkan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum secara konsisten. Justeru itu, setakat ini, kuasa dan peraturan sedia adalah memadai bagi memastikan tata kelola *corporate governance* institusi zakat di negara ini.

Sekian, terima kasih.